

## **JAWATAN KOSONG**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempelawa pemohon daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai:**

### **Pembantu Awam (Gred H11)**

1. (a) Jawatan : Pembantu Awam Gred H11
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (f) Taraf Pelantikan : Kontrak
- (g) Gred : H11

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
H11	1,218.00	2,939.00	80.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM95.00  
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) Kelayakan Lantikan Ke Gred H11:

- i. Kelayakan Masuk: Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- ii. Gaji Permulaan : Gred H11: RM1,218.00

**DAN**

d) Syarat Lantikan Tambahan

- i. mendapat sekurang-kurangnya peringkat 'D' dalam 5 mata pelajaran termasuk **Bahasa Melayu dan Matematik**;
- ii. bagi skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan 'kepujian' dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Malaysia atau Pengetahuan Agama Islam atau seumpamanya di peringkat PMR, calon-calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya peringkat 'C' dalam mata pelajaran berkenaan di peringkat PMR.

4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Deskripsi Tugas
  - (a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
  - (b) Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.
6. Lokasi : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kuala Lumpur.
7. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MITI yang boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.miti.gov.my>. Permohonan yang tidak menggunakan borang tersebut akan ditolak. Pemohon perlu menulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Tingkat 23, Menara MITI,**  
**No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,**  
**50480 Kuala Lumpur**

8. Catatan Tambahan : a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.  
b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya  
c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh kerajaan.
9. Tarikh Tutup : **12 Februari 2018 (Isnin) sebelum 5.00 petang**